

NAMA: _____ KELAS: _____

Lengkapkan perbualan dengan ayat/perkataan yang betul.

- Pelajar A : Cuti sekolah akhir tahun bakal tiba tidak lama lagi. Saya dan keluarga bercadang mahu bercuti, namun kami masih belum membuat pilihan destinasi percutian. Pada pendapat awak, apakah ciri-ciri tempat yang sering menjadi tumpuan pelancong?
- Pelajar B : Pada pendapat saya, tempat pelancongan yang menjadi tumpuan para pelancong ialah (1)_____. Hal ini termasuklah tempat bersejarah yang dipopularkan dalam (2)_____. Bagaimana pula pendapat awak?
- Pelajar A : Saya bersetuju dengan ciri tersebut. Pada pendapat saya pula tempat yang sering menjadi tumpuan pelancong adalah seperti (3)_____. Terdapat pantai-pantai yang sesuai untuk dikunjungi dan beriadah seperti (4)_____. Pantai-pantai ini telah menjadi daya penarik kepada pelancongan domestik dan luar negara.
- Pelajar B : Selain itu, (5)_____ haruslah (6)_____ Hal ini demikian kerana kawasan pelancongan yang tidak menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap akan menyulitkan pelancong jika timbul sebarang masalah yang tidak diingini.
- Pelajar A : Benar cakap kamu. Ciri-ciri lain ialah (7)_____. Negara kita merupakan (8)_____. Hal ini akan (9)_____ bagi melambangkan keagungan sesebuah agama.
- Pelajar B : Seterusnya, (10)_____ turut merupakan kawasan tumpuan pelancongan. Pelancongan ini menjadi sangat bermanfaat apabila seseorang itu dapat meningkatkan pengetahuan tentang pembinaan sesebuah negara serta mempelajari nilai-nilai amalan masyarakat di destinasi yang dikunjungi. Bak kata pepatah, (11)_____.
- Pelajar A : Ya betul. Keluarga saya pula sering bercuti bersama datuk dan nenek saya. Sesebuah kawasan itu mestilah (12)_____. Terima kasih kerana sudi berkongsi pandangan. Saya akan mula mencari destinasi percutian yang sesuai berdasarkan ciri-ciri yang telah kita bincangkan sebentar tadi.

para pelancong yang ingin bermalam di sesebuah kawasan pelancongan
tempat pelancongan yang berasaskan keagamaan.
tempat yang kaya dengan tinggalan monumen dan nilai bersejarah
mendorong kewujudan monumen-monumen keagamaan
mesra dengan warga emas dan golongan kurang upaya.
sambil menyelam minum air
kawasan-kawasan pantai yang bersih dan cantik.
filem dan drama tempatan dan antarabangsa.
Pantai Merdeka di Kedah, Batu Ferengi di Pulau Pinang, Desaru di Pahang dan lain-lain lagi.
menitikberatkan kemudahan infrastruktur yang disediakan di situ
sebuah negara yang unik kerana terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama
kawasan yang mempunyai kepelbagaian budaya dari segi pakaian, makanan dan bangunan.